

PM nafi beri persetujuan ganti MB Perak

M/S: 2
BH-17/3/2019

Putrajaya: Tun Dr Mahathir Mohamad menafikan dakwaan kononnya beliau memberi persetujuan kepada EXCO Perak untuk menggantikan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu.

Sebaliknya, Perdana Menteri berkata, beliau berpuas hati dengan prestasi Ahmad Faizal dan menyifatkan kontroversi melanda Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Perak (BERSATU) itu adalah sesuatu yang biasa dialami seseorang pemimpin.

“Tidak benar (memberi persetujuan menggantikan Ahmad Faizal). Kontroversi tercetus kerana ada orang mahu mengambil alih kedudukannya.

“Orang selalu mendapati setiap orang itu kontroversi, malah bagi saya juga, ada orang mahu menggantikan tempat saya. Itu biasa,” katanya selepas melancarkan Program Ikon Remaja Wilayah Persekutuan di sini, semalam.

Sebelum ini, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Perak, Datuk Sarani Mohamad mendakwa EXCO Perak bertemu enam Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Barisan Nasional (BN) untuk menjatuhkan Ahmad Faizal, selain turut bertemu lebih ramai wakil rakyat BN untuk tujuan sama.

EXCO berkenaan juga dikatakan mendapat persetujuan Dr Mahathir yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH) untuk melakukan tindakan itu.

Prestasi MB Johor

Sementara itu, ditanya sama ada beliau berpuas hati dengan prestasi Menteri Besar Johor, Datuk Osman Sopian yang sering dilanda kontroversi, Dr Mahathir berkata, Osman mempunyai pandangannya sendiri, termasuk dalam isu pencemaran sisa toksik di Pasir Gudang, Johor.

“Beliau ada pandangan sendiri, tetapi akhirnya kita mempunyai pandangan sama bahawa tidak ada keperluan mengisytiharkan darurat atau untuk panik kerana kita tahu melakukan semua perkara yang betul dan mengendalikan situasi dengan baik,” katanya.

Mengulas keputusan mengekalkan jawatan Datuk Seri Ronald Kiandee sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) yang didakwa melanggar manifesto PH, Dr Mahathir berkata, keputusan itu menepati manifesto.

“Beliau (Ronald) daripada parti lawan (sebelum ini). Kita pilih parti lawan, itu bermakna kita patuh kepada manifesto dan janji kita.

“Jika beliau pilih masuk parti kerajaan, apa kita boleh buat. Bukan beliau dipilih daripada kerajaan, tetapi dipilih daripada parti lawan,” katanya.